



Trend kajian hadis berasaskan teknologi maklumat dan digital: suatu sorotan literatur

[Trends in hadith studies based on information and digital technology: a literature highlight]

Mohd Khairulnazrin Mohd Nasir,^{1*} Muhammad Abdul Rahim Kamarul Zaman,²
Muhammad Adam Abd. Azid,³ & Abdul Azib Hussain⁴

¹ Department of Usuluddin, Sultan Ismail Petra International Islamic College (KIAS)

² Department of Akidah and Islamic Thought, Academy of Islamic Studies, University of Malaya (UM)

³ Research Centre for Al-Quran and Al-Sunnah, Faculty of Islamic Studies, National University of Malaysia (UKM)

⁴ Faculty of Language Studies and Human Development, Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

* Corresponding author: Dr. Mohd Khairulnazrin bin Mohd Nasir. Department of Usuluddin, Sultan Ismail Petra Internasional Islamic College (KIAS), Kota Bharu, Kelantan. E-mail: khairulnazrin19@gmail.com. ORCID ID: <https://orcid.org/0000-0002-9073-9284>.

Keywords:

Hadith, Information Technology, Digital, Industrial Revolution 4.0, Literature.

ABSTRACT

Industrial Revolution 4.0 is closely linked to the further development of digital technology, the Internet, and cyberspace. This phenomenon requires swift actions from all sides and is in line with the rapid development of technological products and more intelligent automation systems. To address this, the field of prophetic hadith is being developed through the creation of websites, software, digital books, and ICT applications pertaining to hadith. These media are constantly being developed and improved in line with technological progress. Hence, this study was conducted to highlight the trends and topics of hadith research related to information and digital technology through a qualitative research approach. The data was collected using keyword-based search methods in databases on the Internet. Descriptive content analysis was used to identify trends and topics in information technology-based hadith research. The results show that the trend in hadith research related to information and digital technology focuses on six aspects: hadith reference materials in e-books and PDFs; applications and software; websites; e-learning-based hadith study systems; ICT laboratories for hadith study; and hadith dissemination on social media. To summarise, the study of hadith fields through the lens of information and digital technology requires further development in order to have a significant impact on hadith research and serve as a high-quality and effective mechanism for knowledge dissemination.

Kata Kunci:

Hadis, Teknologi Maklumat, Digital, Revolusi Industri 4.0, Literatur.

ABSTRAK

Revolusi Industri 4.0 berkait rapat dengan kemajuan teknologi digital, Internet atau siber. Fenomena ini memerlukan tindakan pantas daripada semua pihak dan sejajar dengan perkembangan

pesat produk teknologi dan sistem automasi yang lebih pintar. Untuk mengatasi hal ini, bidang hadis nabawi juga dikembangkan melalui pembangunan laman sesawang, perisian, buku digital, dan aplikasi ICT yang berkaitan dengan hadis. Media ini terus dikembangkan dan ditingkatkan seiring dengan kemajuan teknologi. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengetengahkan trend dan tema penyelidikan hadis yang berkaitan dengan teknologi maklumat dan digital. Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan secara kualitatif. Data dikumpulkan dengan menggunakan kaedah carian berdasarkan kata kunci dalam pangkalan-pangkalan data di Internet. Analisis kandungan secara deskriptif diaplikasikan untuk mengenal pasti trend dan tema kajian hadis berasaskan teknologi maklumat. Hasil kajian menunjukkan bahawa trend penyelidikan hadis berkaitan dengan teknologi maklumat dan digital tertumpu pada enam aspek; bahan rujukan hadis dalam bentuk *ebook* dan PDF, aplikasi dan perisian, laman sesawang, sistem pengajian hadis berasaskan *e-learning*, makmal ICT bagi pengajian hadis, dan penyebaran hadis di media sosial. Kesimpulannya, kajian bidang hadis berdasarkan teknologi maklumat dan digital perlu dikembangkan lebih jauh agar mampu memberikan impak besar kepada kesarjanaan hadis dan mekanisme penyebaran ilmu yang berkualiti dan berkesan.

Received: October 09, 2021

Accepted: November 30, 2021

Online Published: December 20, 2021

How to Cite:

Mohd Nasir, M. K., Kamarul Zaman, M. A. R., Abd. Azid, M. A., & Hussain, A. A. (2021). Trend kajian hadis berasaskan teknologi maklumat dan digital: suatu sorotan literatur [Trends in hadith studies based on information and digital technology: a literature highlight]. *HADIS, 11*(22), 770-779. <https://doi.org/10.53840/hadis.v11i22.168>

1. Pendahuluan

Revolusi Industri 4.0 berkait rapat dengan pembangunan teknologi yang berasaskan digital, Internet atau siber. Fenomena ini memerlukan semua pihak bertindak pantas seiring dengan pembangunan pesat dalam produk berteknologi tinggi dan sistem automasi lebih pintar (Stăncioiu, 2017). Menurut Abd Rahman et al. (2020), kehidupan manusia akan dipermudahkan dengan bantuan alatan dan robot yang bakal menjadi “teman” yang akan menguruskan pekerjaan, hal ehwal dan tugas harian. Fenomena ini bukan hanya mendatangkan impak dalam bidang teknologi semata-mata, malah turut melibatkan ekonomi, sistem sosial, dan sebagainya (Asmawi, 2019; Hamdan, 2018; Prasetyo, & Trisyanti, 2018). Tidak terkecuali bidang pendidikan dan penyebaran ilmu pengetahuan yang turut menyaksikan pelbagai inovasi dan kemajuan sehingga sebarang maklumat disampaikan dengan cepat, tepat, mudah dan berkesan (Ghufron, 2018).

Cabaran ini turut dihadapi oleh perkembangan ilmu Islam. Gagasan yang kompleks ini perlu disesuaikan dengan era kemajuan teknologi dan integrasi digital. Pemodenan penyampaian ilmu Islam di era milenium amat signifikan agar mampu memenuhi keperluan semasa, mampu bersaing seiring dengan perkembangan bidang lain (Priyanto, 2020). Transformasi menyeluruh membabitkan cara penyampaian ilmu Islam, instrumen pengajaran dan pembelajaran, memperkukuhkan institusi pendidikan Islam reformasi dasar pendidikan yang bertujuan untuk mewujudkan generasi yang utuh serta sumber daya manusia yang unggul, kompetitif dengan kreativiti, inovasi, tanpa meninggalkan nilai dan integriti Muslim (Wiranata, 2019).

Kajian hadis telah mengalami perkembangan yang sangat pesat. Pelbagai inovasi dan kaedah telah diperkenalkan berasaskan digital, teknologi maklumat dan Komunikasi (ICT) (Supriyadi et al., 2020; Tajang, 2019). Sebagai sumber kedua ajaran Islam setelah al-Quran, kajian hadis terus dikembangkan dengan semakin meningkatnya usia teknologi (Ummah, 2019). Justifikasinya, pendekatan ini telah menjadi suatu yang lumrah dalam dunia pendidikan hari ini. Selain bagi tujuan pembentangan, interaktif dan perhubungan, banyak lagi aplikasi berkaitan ICT yang telah dibangunkan dan boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran (Kawaid et al., 2018). Selain itu, pelbagai aplikasi atau perisian dapat memudahkan pengajian dan penyelidikan

Hadis, malah mendekatkan ilmu hadis kepada masyarakat umum (Hadi, 2020; Fahrudin, 2019). Akses kepada sesuatu hadis yang dahulunya diperoleh secara manual, kini telah diakses dalam bentuk digital melalui laman sesawang, perisian atau aplikasi Internet seperti *al-Maktabah al-Shāmilah*, *Lidwa Pusaka*, *Jawāmi' al-Kalim* dan sebagainya (Fikriyyah, 2018; Rahmatullah, 2020; Ummah, 2019;).

Dalam konteks negara Malaysia, perkembangan pengajian dan penyelidikan hadis telah bermula sejak abad ke-17. Para ilmuwan dan sarjana telah menghasilkan pelbagai karya-karya ilmiah, kajian, pembangunan institusi pendidikan dan sebagainya (Avivy, 2018). Persoalannya, apakah kesan Revolusi Industri 4.0 kepada perkembangan ilmu hadis? Bagi menjawab persoalan ini, kajian ini berusaha untuk menyorot trend kajian bidang hadis yang dihubungkan dengan teknologi maklumat dan digital. Istilah “trend” digunakan untuk menjelaskan arah aliran, gerakan atau perkembangan rentetan sesuatu perkara, kejadian atau amalan yang seolah-olah menuju ke suatu arah (Baharom, 2010). Tumpuan diberikan kepada hasil kajian dalam bentuk disertasi, tesis dan artikel jurnal sahaja. Perbincangan seperti ini amat penting bagi menonjolkan sejauh mana tahap keseriusan para sarjana hadis dalam memastikan ilmu hadis kekal relevansi seiring kemajuan teknologi digital. Selain itu, kajian ini mampu untuk dijadikan rujukan dalam mengenal pasti kelompangan dalam kajian-kajian lepas berkaitan bidang pendigitalan ilmu hadis.

2. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif berasaskan kajian kepustakaan. Pengumpulan data dilakukan menerusi kaedah carian berdasarkan kata kunci dalam pangkalan-pangkalan data utama seperti *Malaysian Theses Online (MyTo)*, *Malaysian Citation Index (MyCite)*, *Google Scholar*, *Dimensions* dan sebagainya. Pelbagai kata kunci digunakan supaya tahap capaian diperoleh secara maksimum. Kajian ini turut menitikberatkan hasil-hasil penyelidikan yang bersifat mutakhir. Analisis kandungan secara deskriptif bertujuan untuk mengenal pasti trend dan tema kajian-kajian hadis berasaskan teknologi maklumat. Fokus diberikan kepada latar belakang, perbincangan, metode dan dapatan daripada kajian-kajian lepas berhubung kajian hadis dan teknologi maklumat. Kajian literatur dikelaskan berdasarkan tema dan hubung kaitnya dengan teknologi, sekali gus menampilkan trend kajian-kajian berkenaan.

3. Dapatan Kajian

Daripada hasil carian dan analisis terhadap kajian dan penulisan dalam bidang ilmu hadis yang berkaitan dengan teknologi maklumat dan digital, didapati bahawa trendnya tertumpu kepada enam aspek; [pertama] kajian tentang buku atau karya hadis dalam dikeluarkan dalam format PDF dan elektronik; [kedua] penggunaan laman sesawang hadis; [ketiga] penghasilan aplikasi dan perisian (*software*) hadis; [keempat] pembelajaran ilmu hadis berasaskan *e-Learning*; [kelima] penggunaan makmal ICT bagi pengajian hadis; dan [keenam] kajian tentang isu-isu hadis dalam media sosial. Trend-trend tersebut dapat dirumuskan seperti dalam Rajah 1 di bawah:

Rajah 1: Trend kajian hadis berasaskan teknologi maklumat



Enam aspek kajian hadis berasaskan teknologi maklumat dan digital seperti yang dipaparkan dalam rajah menunjukkan bahawa para sarjana begitu komited dalam memperkasakan dan meluaskan ruang lingkup penyebaran ilmu hadis. Trend dan tema berkenaan mampu membantu para sarjana lain dalam memilih hala tuju dalam penyelidikan akan datang.

5. Perbincangan

Perkembangan teknologi maklumat dan digital mempengaruhi perkembangan ilmu hadis dari aspek capaian dan akses dalam proses pembelajaran dan penyelidikan. Berdasarkan analisis terhadap kajian-kajian di Malaysia tentang penggunaan teknologi maklumat dan digital dalam bidang hadis, kajian ini mendapati ia dapat ditinjau dalam enam trend berikut:

5.1 Buku Hadis Dalam Format PDF dan Elektronik

Pengajian dalam bidang hadis melibatkan banyak rujukan terhadap kitab-kitab lama yang ditulis oleh ulama tersohor zaman lampau. Elemen utama dalam pengajian tersebut adalah semakan terhadap kesahihan hadis. Walaupun era teknologi maklumat mempunyai kecanggihannya tersendiri, namun kewibawaan ulama lampau dalam merekodkan maklumat penting serta metodologi semakan kewibawaan hadis masih tidak dapat ditandingi (Shukur et al., 2011). Karya-karya ilmuwan hadis masih dicetak dan masih dijalankan *tahqiq* terhadap pelbagai manuskrip oleh sarjana pada zaman mutakhir demi mendapatkan naskhah cetakan yang berkualiti dan sahih (Suhaimi & Sha'ri, 2021). Lazimnya, karya hadis dicetak dalam bentuk buku yang merujuk kepada helaian kertas berjilid, mempunyai tulisan dan sebagainya untuk dibaca atau yang mengandungi ruangan kosong untuk ditulis (Baharom, 2010).

Kecanggihan teknologi semasa memperkenalkan kaedah baru dalam penyimpanan naskhah bagi karya-karya hadis. *E-book* atau buku elektronik merupakan satu medium penyampaian maklumat yang merujuk kepada penggunaan data elektronik. *E-book* mampu diperolehi secara berbayar atau percuma. Kebanyakan *e-book* didatangkan dalam bentuk fail *.pdf* (*Portable Document Format*) atau seumpamanya bagi memudahkan setiap individu membacanya di komputer atau peranti khas. Format dokumen *.pdf* dikembangkan oleh Adobe Systems (Castiglione, De Santis, & Soriente, 2010). Dalam pada itu, *e-book* juga dikeluarkan dalam format-format lain seperti *.htm*, *.txt*, *.doc*. (Roesnita & Zainab, 2013). *E-book* atau buku elektronik ialah penerbitan buku yang tersedia dalam bentuk digital, terdiri daripada teks, gambar, atau kedua-duanya, dan dapat dibaca pada paparan panel rata komputer atau peranti lain (Gardiner, Eileen & Ronald, 2010). Menurut Ripai (2016), pendekatan pembacaan buku melalui *e-book* mampu meningkatkan minat dalam kalangan pembaca. Konsep mesra pengguna membolehkan *e-book* diakses menerusi telefon pintar (*smartphone*) atau komputer dengan saiz ukuran dokumen yang kecil, sekali gus memudahkan carian dan penyimpanannya.

Antara platform terbesar yang memuatkan khazanah karya-karya hadis dalam format *.pdf* ialah *al-Maktabah al-Waqfiyyah* yang dilancarkan pada tahun 2013. Lama sesawang ini mengkategorikan karya-karya ilmu hadis kepada; [pertama] koleksi *al-Kutub al-Sittah*; [kedua] kitab *muṣṭalah al-ḥadīth*; [ketiga] kitab *al-jarḥ wa al-ta'dīl*, [keempat] kitab-kitab hadis *jawāmi'*, *masānīd* dan *al-ajzā'* dan sebagainya (al-Maktabah al-Waqfiyyah, 2013). Karya *e-book* hadis dalam *.bok* turut disediakan. Maka, rujukan-rujukan ilmu hadis dapat dimuat turun secara percuma, sekali gus meluaskan lagi capaiannya kepada para pembaca.

5.2 Laman Sesawang

Laman sesawang atau *website* merupakan satu set halaman maklumat di Internet mengenai subjek tertentu, yang diterbitkan oleh pihak perseorangan atau organisasi (Brügger, 2009). Laman sesawang digunakan secara meluas bagi pelbagai tujuan, termasuklah penyebaran ilmu, informasi dan pendidikan (Sabariah, 2016). Khadher Ahmad (2019) menegaskan bahawa pembangunan laman sesawang dan perisian hadis telah menjadi satu usaha penting dalam perkembangan pengajian hadis dan proses pembelajarannya. Justifikasinya, medium Internet menjadi tempat rujukan yang cepat dan pantas, serta menyediakan platform kepada kepelbagaian maklumat berkaitan dengan hadis (Khadher Ahmad, 2019). Antara laman sesawang yang terbaik dalam carian hadis ialah *dorar.net* dan *Islamweb.net* (Fauzi, 2020; Shahrul Nizam Zulkipli, 2017).

Antara laman sesawang hadis yang popular ialah *al-Mawsū'ah al-Ḥadīthiyyah* di bawah kelolaan *al-Durar al-Saniyyah* (*dorar.net*). Syed Hasan (2015) dalam kajiannya berusaha untuk mengenal pasti keberkesanan *dorar.net* dalam menganalisis, mengklasifikasikan dan menilai hadis. Ini bertujuan untuk meneroka latar belakang sejarah laman web, menilai penggunaan halaman dan keberkesanannya sebagai mekanisme pendidikan dalam pedagogi, mengkaji kecekapan keramahan penggunaannya dan mengkaji kelebihan dan kekurangan laman sesawang berkenaan. Hasil kajian membuktikan bahawa *dorar.net* benar-benar berperanan dalam membantu pelajar dalam analisis hadis, sekali gus meningkatkan keberkesanan kemajuan

pembelajaran. Justifikasinya, ciri-ciri laman sesawang yang mesra pengguna, menjimatkan masa dan wang serta mampu menjadi laman web akses mudah untuk mempelajari hadis (Syed Hasan, 2015).

Terdapat kajian yang mengemukakan langkah-langkah ke arah pembangunan laman sesawang yang mapan dan autentik. Hal ini amat penting bagi meningkatkan kebolehpercayaan dalam kalangan pengguna terhadap laman sesawang yang memaparkan maklumat tentang sesuatu hadis (Hoque et al., 2018; Luthfi et al., 2018). Bagi mencapai tujuan tersebut, Khadher Ahmad (2019) mengemukakan 10 kriteria yang perlu diberi perhatian oleh pihak yang mengelola laman sesawang hadis, khususnya dalam Bahasa Melayu. Aspek-aspek tersebut ialah: [1] Kandungan teks hadis yang berbaris lengkap; [2] Terjemahan hadis yang telah disemak; [3] Maklumat sumber dan *takhrij* hadis; [4] Kefahaman Hadis Secara Ringkas; [5] Organisasi atau Panel yang bertanggungjawab dan mempunyai kelayakan; [6] *Interface* Yang Mesra Pengguna; [7] Lampiran Bentuk *Shajarah Al-Asānid* (Pemetaan Sanad Hadis); [8] Meletakkan Tema Kumpulan Hadis; [9] Pembahagian Hadis Berdasarkan Judul Kitab (Bagi Karya Jawi); [10] Penyediaan Hadis-Hadis Alternatif Bagi Hadis Yang Palsu (Khadher Ahmad et al., 2019).

5.3 Perisian Komputer (Software)

Software atau perisian komputer didefinisikan sebagai himpunan data dan arahan yang dimuatkan dalam komputer (G. S. Rao et al., 1991). *Software* mampu dijanakan dan dikendalikan oleh sistem terlengkap dalam binaan komputer. Melalui *setting* tertentu membolehkan perisian tersebut beroperasi dan komputer dapat melakukan sesuatu tugas yang diarahkan oleh pengguna atau ditentukan pereka perisian tersebut (Turner & Karasek, 1984). Teknologi inovatif telah bertukar menjadi instrumen penting untuk pengajaran dan pembelajaran. Perubahan ini menjadikan pembelajaran ilmu hadis menjadi lebih mudah dan menyeronokkan. Antara perisian yang popular ialah *Mawsū'ah al-Hadīth al-Sharīf, Jawāmi' al-Kalim, al-Maktabah al-Shāmilah* dan sebagainya (Fauzi, 2020; Nasih, Kholidah, & Rohmanan, 2018). Di samping mengandungi hampir keseluruhan rujukan dalam bidang hadis, perisian-perisian tersebut juga berfungsi untuk mencari sumber hadis dan menentukan kesahihannya dengan mudah dan cepat (Chowdhury et al., 2017).

Dalam konteks pengajian hadis di negara ini, bidang ini dipelajari secara optimum oleh para penuntut di peringkat pengajian tinggi. Justeru, penggunaan perisian berkaitan hadis telah diintegrasikan secara formal dalam pengajaran dan pembelajaran kursus-kursus berkaitan hadis di institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia. Hasil kajian Kawaid et al. (2018) menunjukkan mendapati bahawa dari sudut pengetahuan, kebanyakan pensyarah bidang hadis di universiti awam di Malaysia mengetahui dan mahir menggunakan aplikasi ICT berkaitan hadis. Dari sudut tahap pengintegrasian pula, rata-rata mereka menerima baik dan mengaplikasikannya dalam pengajaran dan pembelajaran kursus berkaitan hadis. Sebaliknya, terdapat beberapa pandangan yang kurang bersetuju dengan pengintegrasian sepenuhnya ICT kerana bagi pandangan mereka, unsur-unsur keaslian ilmu hadis perlu dikekalkan (Halim et al., 2018; Kawaid et al., 2018).

Antara perisian yang berorientasikan kitab-kitab hadis utama ialah Ensiklopedi Hadis Kitab 9 Imam. Kitab hadis dalam bentuk digital ini yang dilengkapi dengan terjemahan Bahasa Indonesia dan fitur-fitur untuk menganalisis dan mempelajari hadis-hadis yang diriwayatkan oleh sembilan orang ulama hadis. Berdasarkan kajian Husein (2017), kitab hadis digital ini dapat digunakan sebagai media dan sumber belajar untuk menelusuri asal-usul sebuah hadis, memahami makna sebuah hadis, jalur periwayatan hadis dan biografi singkat setiap sanadnya, taraf hadis, keterkaitan sebuah hadis dengan hadis-hadis lain, kategori hadis, dan indeks hadis berdasarkan tema-tema tertentu. Keunggulan aplikasi ini adalah sederhana, mudah digunakan, memiliki kandungan dan fitur-fitur yang lengkap, tersedia dalam versi *offline*, *online*, dan telefon pintar. Keterbatasan hadis ini antara lain adalah tidak tersedia petunjuk penggunaan dalam perisiannya dan penjelasan tentang huraian dan *asbāb wurūd al-hadīth* (Ibid., 2017).

Para sarjana turut menyelidik tentang aplikasi hadis yang berasaskan sesebuah karya hadis. Salah satu aplikasi tersebut adalah "Masuk Syurga" yang dikembangkan oleh Pusat Pengajian Hadis. Aplikasi ini didasarkan pada Android sehingga dapat digunakan dengan mudah dan cepat. Aplikasi ini mengandungi Hadis dari kitab *Riyaḍ al-Saliḥīn* dan dikemukakan dalam tema yang berbeza. Corak persembahan sangat menarik kerana menggambarkan kehidupan manusia sejak awal mengenal Islam hingga mati dan kehidupan selepas mati (Fahrudin, 2019). Aplikasi "Satu hari satu hadis" pula hanya fokus kepada *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Aplikasi ini dikembangkan oleh Pusat Pengajian Hadis berdasarkan sistem android sehingga dapat digunakan dengan mudah tanpa terbatas dengan tempat dan masa. Kandungannya ialah hadis-hadis ringkas yang menarik daripada *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan disajikan dalam tema yang berbeza. Corak penyampaiannya sangat menarik kerana setiap hari pemberitahuan akan dihantar memberikan gambaran keseluruhan hadis hari itu (Hadi, 2020; Tajang, 2019).

5.4 Pembelajaran Hadis Berasaskan E-Learning

Dalam konteks yang lebih luas, sebahagian sarjana berpendapat bahawa kaedah pembelajaran hadis yang formal perlu disesuaikan dengan zaman moden. Pelbagai inovasi dalam kaedah pembelajaran yang berasaskan teknologi telah diperkenalkan dan diaplikasikan dengan memastikan segala disiplin ilmu dapat dilaksanakan dengan berhemat. Dalam konteks pengajian hadis, pembaharuan dalam kaedah pembelajaran secara moden turut diperkenalkan (Rosdi et al. 2019). Pembelajaran berasaskan teknologi atau *e-learning* telah diperkenalkan sejak 40 tahun lalu. Menurut Nicholson (2007) dan Downes (2005), kaedah ini merupakan satu bentuk pembelajaran baharu yang menggunakan kemampuan Internet untuk menyampaikan bahan dan program pembelajaran yang disesuaikan dan interaktif kepada pelbagai peringkat komuniti, sama ada bersifat lokal atau jarak jauh. Dalam konteks perbincangan ilmu hadis, Ilmu ini pada peringkat awal secara tradisional menerusi kaedah lisan, *talaqi* iaitu pengajian pembacaan hadis yang dilakukan secara berhadapan antara guru dan murid memastikan kesinambungan salasilah sanad dapat dijaga dengan baik (Hamisan et al., 2019; Maulana, 2016). Selain itu, kaedah soal jawab, perbincangan dan hafalan juga dijalankan bagi membantu pemahaman pelajar terhadap ilmu hadis (Masyhura et al., 2015; Noor & Rosli, 2017).

Sanad ialah rantaian yang menghubungkan antara perawi yang meriwayatkan teks hadis. Jumlah perawi yang ramai dan pelbagai cabang rantaianya menyukarkan penuntut ilmu hadis untuk memahaminya. Justeru, para sarjana seperti Shukur et al. (2011) menyokong keperluan pembinaan *shajarat al-asānīd* (pokok rantaian perawi) secara visual. Ilustrasi sedemikian memaparkan hubungan antara perawi dan *madār al-isnād* (paksi titik temu pada sanad) yang menjadi tumpuan para ulama dalam meletakkan nilai dan taraf pada sesuatu hadis (Shukur et al., 2011; Zailani, 2016). Strategi dan pendekatan ini lebih menarik minat para penuntut ilmu hadis dan lebih berkesan (Nugrahani, 2007). Bagi mencapai tujuan tersebut, satu prototaip telah diperkenalkan iaitu Alat Pemvisual Perawi Hadis (APPH) yang berfungsi menyusun rantaian sanad secara automatik (Shukur et al., 2011). Dalam erti kata lain, kemahiran carian sumber hadis atau *takhrīj* berasaskan kaedah digital merupakan suatu keperluan pada masa kini (Ade Jamaruddin, & Sudirman Anwar, 2018; Hidayat, 2018).

Sementara itu, beberapa sarjana turut mengemukakan idea untuk penambahbaikan dalam persembahan perisian hadis. Aspek yang dicadangkan membabitkan syarahan hadis dan dipaparkan dalam reka bentuk visual. Menurut Noor, Judi, & Rahim (2018), teknik visualisasi maklumat membabitkan proses persembahan maklumat dalam bentuk ilustrasi yang didominasi oleh kemudahan capaian maklumat secara cepat dan sistematik. Sejalan dengan perkembangan pesat teknologi maklumat, kaedah penyampaian dan pembelajaran pendidikan Islam seperti ilmu hadis wajar disuntik elemen inovasi untuk menggalakkan masyarakat Islam mendalami tuntutan agama. Meskipun terdapat aplikasi ilmu hadis dalam pasaran, namun terdapat beberapa masalah penggunaan berkaitan dengan reka bentuk antara muka yang kebanyakannya dalam bentuk satu dimensi dan sumber perolehan digital yang terhad kepada kandungan berbentuk matan hadis (Noor, Judi, & Rahim, 2018).

Untuk menggerakkan sistem dan mekanisme pengajian hadis secara digital, suatu persediaan perlu dilakukan khususnya bagi tenaga pengajar. Para guru, pensyarah perlu diberi latihan untuk meningkatkan kemahiran dalam penggunaan perisian hadis, khususnya *al-Maktabah al-Shāmilah*. Justifikasinya, kemahiran yang diperolehi mampu membantu mereka dalam penyediaan bahan pengajaran dan penyelidikan (Nasih, Kholidah, & Rohmanan, 2018).

Meskipun pelbagai pendekatan diperkenalkan bagi pembelajaran hadis, sebahagian sarjana berpendapat kaedah tradisional adalah lebih berkesan. Kaedah tradisional dilihat lebih teliti kerana kaedah ini telah dijalankan sejak berkurun lamanya. Bermula dengan kisah Rasulullah SAW dan diteruskan oleh sahabat serta ulama-ulama terdahulu hingga ke hari ini. Kaedah-kaedah yang telah disebut menjadikan pengajian hadis melalui kaedah tradisional sangat unik dan telah melahirkan ramai tokoh dan ulama yang berperanan memberi sumbangan kepada masyarakat dalam ilmu hadis (Masyhura et al., 2015; Noor & Rosli, 2017).

5.5 Makmal ICT Bagi Pengajian Hadis

Fasiliti dan sarana yang lengkap dan kondusif amat penting dalam proses pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan. Dalam konteks pembelajaran dan penyelidikan ilmu hadis, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) antara institusi terawal yang menyediakan sarana perpustakaan digital. Makmal Hadis yang dikelola oleh Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah telah diwujudkan sejak awal penubuhan fakulti. Tujuannya untuk memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran ilmu hadis. Makmal ini menyediakan kemudahan bahan rujukan dalam bidang hadis dan dilengkapi dengan penggunaan perisian terkini seperti *al-Maktabah al-Shāmilah*, *Jawami' al-Kalim* dan sebagainya (Syed Hassan et al., 2020). Kajian Syed Hassan et al. (Ibid.)



mencadangkan pembangunan perpustakaan digital berasaskan imbasan kod QR bagi menyelesaikan isu kekurangan bahan rujukan atau kerosakan bahan rujukan material.

5.6 Hadis Dalam Media Sosial

Perkembangan teknologi yang sangat pesat telah mendekatkan jurang hubungan sesama manusia. Menerusi media sosial seperti aplikasi *Facebook*, *WhatsApp*, *Telegram*, *Instagram* dan lain-lainnya telah menghubungkan manusia tanpa dibatasi oleh jarak, ruang dan masa. Penyebaran maklumat berlaku dengan pantas sama ada dalam bentuk tulisan, audio atau video. Oleh itu, hadis-hadis Nabawi muncul di media sosial dalam pelbagai bentuk; digital, video, *meme* atau gambar. Justeru, para pengguna media sosial mampu mengakses informasi tentang hadis dengan mudah tanpa dibatasi masa dan tempat. Maka, kewujudan media sosial telah memberikan peluang dan kemudahan bagi para pengguna untuk belajar dan mengkaji hadis (Istianah, 2020), sekali gus berperanan sebagai medium e-dakwah yang berkesan (Putra, Eldiana, & Aryani, 2020).

Sebagai rumusan, pendigitalan ilmu hadis dapat diketengahkan dalam institusi formal dan non formal dalam usaha menjadikan pengajian ini lebih bermanfaat dan komprehensif di era Revolusi Industri 4.0 (Ismail et al., 2019; Ummah, 2019). Kemudahan akses ilmu hadis secara digital perlu diperkembangkan kepada tahap lebih optimum dan dinamik untuk dimanfaatkan oleh banyak pihak terutama sarjana dalam bidang hadis (Rahmatullah, 2020; Suryadilaga, 2016). Selain itu, dalam mendepani cabaran dalam pendigitalan ilmu hadis, golongan sarjana dan pakar hadis perlu bersinergi dengan pihak yang terlibat dalam bidang ICT. Khidmat perundingan dan pemantauan terhadap bahan-bahan berkaitan ilmu hadis dalam laman sesawang, portal dan aplikasi perlu dilakukan dari masa ke masa. Demikian demi mengelakkan penyebaran maklumat yang tidak tepat berkaitan hadis, fahaman liberal, golongan anti hadis yang menolak penghujahan hadis (Usman, Wazir & Ismail, 2017), penyelewengan teks atau maksud hadis (Mohd Salleh et al., 2019), penyebaran hadis tidak sah dan palsu dalam kalangan orang awam (Khadher Ahmad, 2019).

6. Kesimpulan

Makalah ini bertujuan untuk menyorot trend kajian ilmu hadis yang berhubung dengan teknologi maklumat dan digital. Secara keseluruhan hasil penelitian dan data yang diterbitkan menyokong suatu kesimpulan bahawa ilmu hadis turut berkembang dari aspek penyampaian dan persembahan maklumat dan inovasi kaedah pengajaran dan pembelajaran. Capaian maklumat tentang hadis bukan hanya bersifat eksklusif kepada penuntut ilmu semata-mata, malah turut dicapai oleh golongan awam. Perubahan ini seiring dengan kemajuan teknologi maklumat dan digital. Demikian dapat ditinjau dari enam aspek utama itu; bahan rujukan hadis dalam bentuk buku elektronik atau *pdf*, laman sesawang hadis, aplikasi dan perisian, sistem pembelajaran hadis berasaskan berorientasikan digital, kemudahan makmal ICT bagi pengajaran dan pembelajaran hadis, dan penyebaran hadis di media sosial. Hasil kajian ini bakal merungkai, menjelaskan dan memberikan perspektif baru kepada para penyelidik dalam bidang hadis dalam konteks pemilihan kajian lanjutan pada masa depan. Oleh kerana skop kajian ini masih terhad kepada sumber rujukan yang bersifat lokal, dicadangkan supaya kajian masa depan agar lebih luas dan bersifat global. Kajian ini mencadangkan supaya kajian bidang hadis berasaskan teknologi maklumat dan digital terus dikembangkan sehingga mampu menghasilkan output yang berimpak tinggi, berkualiti dan menyediakan platform yang terbaik bagi umat Islam di negara ini.

7. Penghargaan

Kajian asal kepada makalah ini ialah berasaskan geran penyelidikan bertajuk “Trend penyelidikan bidang hadis peringkat pascasiswazah di Malaysia: Pembangunan modul analisis hadis berasaskan *al-Kutub al-Tis‘ah*.” Geran ini diperuntukkan oleh Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). Kumpulan penyelidik mengucapkan ribuan terima kasih atas sumbangan dana, penggunaan fasiliti dan sebagainya. Penghargaan juga diberikan kepada pihak-pihak lain yang terlibat sehingga penyelidikan ini selesai.

Rujukan

Abd Rahman, M. J., Yasin, M. H. M., Hamzah, M. I., Haron, Z., Daud, M. Y., & Ensima, N. K. (2020). The cultural of fourth industrial revolution in learning process. *Prosiding 3rd International Conference on Learning Innovation and Quality Education (ICLIQE 2019)*, 511-516. Atlantis Press. <https://www.atlantis-press.com/proceedings/icliqe-19>.



- Ade Jamaruddin, S. S., & Sudirman Anwar, M. P. (2018). *Takhrij hadis: Jalan Manual & Digital*. t.tp.: Zahen Publisher.
- Asmawi, M. (2019). Kebijakan pendidikan islam pada era globalisasi, pasar bebas dan revolusi industri 4.0. *Scolae: Journal of Pedagogy*, 1(2), 101-109. <https://www.ejurnal.stkipdamsel.ac.id/index.php/scl/article/view/17>.
- Avivy, A. L. F. (2018). Jaringan keilmuan hadis dan karya-karya hadis di nusantara. *Hadis*, 8(16), 63-82. <https://doi.org/10.53840/hadis.v8i16.4>.
- Baharom, N. et al. (2010). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Brügger, N. (2009). Website history and the website as an object of study. *New Media & Society*, 11(1-2), 115-132. <https://doi.org/10.1177/1461444808099574>.
- Chowdhury, M. H., Rab, M. A. A., Said, W. M., Ghazali, N. M., Mohamed, Y., & Toure, A. K. (2017). Application of modern technology in the study of hadith and its sciences: A case study. *Advanced Science Letters*, 23(5), 4773-4776. <https://doi.org/10.1166/asl.2017.8895>.
- Downes, S. (2005). E-learning 2.0. *ELearn*, 10. 1. <https://dl.acm.org/doi/fullHtml/10.1145/1104966.1104968>.
- Fahrudin, F. (2019). Kajian hadis era android: Telaah aplikasi 'masuk surga' karya Ahmad Lutfi Fathullah. *Diroyah: Jurnal Studi Ilmu Hadis*, 4(1). <https://doi.org/10.15575/diroyah.v4i1.6013>.
- Fauzi, I. (2020). Hadis dari klasik literal ke portable digital: Telaah Aplikasi Smartphone Mausuh al-Hadis al-Syarif Islamweb. *Riwayah: Jurnal Studi Hadis*, 6(1), 1-18. <http://dx.doi.org/10.21043/riwayah.v6i1.6747>.
- Fikriyyah, D. U. (2018). Telaah aplikasi hadis lidwa pusaka. *Jurnal Studi Ilmu-ilmu Al-Qur'an dan Hadis*, 17(2), 271-286. <https://doi.org/10.14421/qh.2016.1702-07>.
- G. S. Rao, A. K. Rao, Ng Chee Aun & Cheng Yok San. (1991). *Kamus komputer sekolah menengah*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Gardiner, Eileen & Ronald G. Musto. (2010). The Electronic Book. Dlm. Suarez, Michael Felix, & H. R. Woudhuysen. *The Oxford Companion to the Book*. Oxford, UK: Oxford University Press.
- Ghufron, G. (2018). Revolusi Industri 4.0: Tantangan, peluang, dan solusi bagi dunia pendidikan. *Prosiding Seminar Nasional dan Diskusi Panel Multidisiplin Hasil Penelitian dan Pengabdian Kepada Masyarakat*. Jakarta, 2 Ogos 2018.
- Hadi, R. T. (2020). Studi aplikasi hadis era mobile. *Islam Transformatif: Journal of Islamic Studies*, 4(1), 13-24. <http://dx.doi.org/10.30983/it.v4i1.2629>.
- Halim, A. A., Anas, N., Zulkipli, S. N., Yaacob, Z., Noor, M., Azmi, A. S., & Hassan, S. N. S. (2018). Popularity of digital hadis application (DHA) in Malaysia. *International Journal of Civil Engineering and Technology*, 9(10), 1382-1390. <https://www.scopus.com/record/display.uri?eid=2-s2.0-85056095279&origin=inward&txGid=22d68fc2d0a877f9c52dceef7d8ae8e7>.
- Hamdan, H. (2018). Industri 4.0: Pengaruh revolusi industri pada kewirausahaan demi kemandirian ekonomi. *Jurnal Nusantara Aplikasi Manajemen Bisnis*, 3(2), 1-8. <https://doi.org/10.29407/nusamba.v3i2.12142>.
- Hamisan, N. S., Yama, K. P., Masrop, N. A. M., Nasir, M. N., Awang, A. H., & Kechik, A. A. A. (2019). Mobile learning in the study of hadis: a study on students' understanding on the arrangement of sanad with specific symbol. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 2(6), 100-114. <http://www.ijmtss.com/archived.asm?dataid=148&iDisplayStart=0&aaSorting=&isSearchDetail=1&dataidExtend=1089&iDisplayStartExtend=0&aaSortingExtend=&isSearchDetailExtend=1>.
- Hidayat, A. (2018). Metode takhrij hadits digital dan aplikasinya pada hadits spionase. *Al-Ahkam*, 14(1), 39-62. <http://dx.doi.org/10.37035/ajh.v14i1.1481>.
- Hoque, M., Mzm, Z. A., Yusoff, A. M., Ibrahim, M. A. B., Azmi, A. S., & Sayed, S. N. (2018). Web Based data Analysis: A case study of religious information. *International Journal of Civil Engineering and Technology*, 9(8), 992-997. <https://www.scopus.com/record/display.uri?eid=2-s2.0-85052734633&origin=inward&txGid=6b0a86a3c102a3f63d98b6cd9034b463> <http://proceeding.unindra.ac.id/index.php/dispanas2018/article/view/73/45>.
- Husein, B. H. (2017). Pemanfaatan ensiklopedi hadis kitab 9 imam sebagai media dan sumber belajar hadis. *Muallimuna*, 2(2). <http://dx.doi.org/10.31602/muallimuna.v2i2.769>.
- Ismail, A. Z., Ishak, M. F., Soroni, M. K., Abdullah, M. F. R., Ghouri, S. A. M., Nasir, M. N., & Salahuddin, N. (2019). Metode pengajian hadis klasik dan kerangka sistem pendidikan moden: Tinjauan di maahad-maahad tahfiz Selangor. *Hadis*, 9(18), 213-223. <https://doi.org/10.53840/hadis.v9i18.68>.
- Istianah, I. (2020). Era dirupsi dan pengaruhnya terhadap perkembangan hadis di media sosial. *Riwayah: Jurnal Studi Hadis*, 6(1), 89-102. <http://dx.doi.org/10.21043/riwayah.v6i1.6861>.
- Kawaid, A. I. S., Syed Hassan, S. N., Mohd Amin, M. Z., Yabi, S., & Ismail, M. Y. (2018). Pengintegrasian aplikasi ICT berkaitan hadis dalam pengajaran dan pembelajaran kursus berkaitan hadis di universiti



- awam Malaysia. *Journal of Ma alim Al-Qur an Wa Al-Sunnah*, 14(2), 131-138. <https://doi.org/10.33102/jmq.v14i2.133>.
- Khadher Ahmad, Ishak Suliaman, H., Shah, F. A., & Rokhibi, A. M. (2019). Kriteria utama dalam pembangunan website hadith: satu analisis dan cadangan. *Prosiding persidangan 4th INHAD International Muzakarah & Mu Tamar On Hadith (IMAM 2019)*, 20 November 2019. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bandar Seri Putra, Bangi. 1-25. <http://conference.kuis.edu.my/imam/en/e-prosiding/2019/isi-kandungan>.
- Khadher Ahmad. (2019). Digitalisasi hadith di malaysia analisis terhadap keperluan kriteria pembangunan website dan software hadith. *Prosiding International Conference on Islam in Malay World IX*, (Pattani, Thailand: College of Islamic Studies Prince of Songkla University, Pattani Campus) 331-352. <https://fais.psu.ac.th/iconimad2019/proceeding.html>.
- Luthfi, E. et al. (2018). Digital hadith authentication: A literature review and analysis. *Journal of Theoretical and Applied Information Technology*, 96(15). <https://doi.org/10.1002/ett.3977>.
- Maulana, L. (2016). Periodisasi perkembangan studi hadits dari tradisi lisan, tulisan hingga berbasis digital. *Esensia Jurnal Ilmu-Ilmu Ushuluddin*, 17(1), 111-123. <https://doi.org/10.14421/esensia.v17i1.1282>.
- Mohd Salleh, N., Hj Shamsu, L. S., Wazir, R., Usman, A. H., Abdullah, M. F. R., Ismail, A. Z., & Burhanuddin, N. A. (2019). Penyalahgunaan living hadis dalam kalangan kelompok liberal: satu sorotan literatur secara sistematik. *Hadis*, 9(17), 65-78. <https://doi.org/10.53840/hadis.v9i17.57>.
- Nicholson, P. (2007). *A history of e-learning. In Computers and education*. Springer, Dordrecht.
- Noor, S. F. M., Judi, H. M., & Rahim, N. S. (2018). Teknik visualisasi maklumat syarah hadis. *Journal of Hadith Studies*, 3(1), 29-53. <http://ddms.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/16306>.
- Nugrahani, R. (2007). Media pembelajaran berbasis visual berbentuk permainan ular tangga untuk meningkatkan kualitas belajar mengajar di sekolah dasar. *Lembaran Ilmu Kependidikan*, 36(1), 35-44. <https://doi.org/10.15294/lik.v36i1.524>.
- Prasetyo, B., & Trisyanti, U. (2018). Revolusi industri 4.0 dan tantangan perubahan sosial. *IPTEK Journal of Proceedings Series*, (5), 22-27. <http://dx.doi.org/10.12962/j23546026.y2018i5.4417>.
- Priyanto, A. (2020). Pendidikan Islam dalam era revolusi industri 4.0. *J-PAI: Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 6(2), 80-89. <https://doi.org/10.18860/jpai.v6i2.9072>.
- Putra, S., Eldiana, T., & Aryani, D. (2020). Model pengembangan aplikasi mobile e-dakwah di masa pandemi covid-19 dengan metode prototyping. *Journal Of Information System, Informatics And Computing*, 4(1), 116-121. <https://journal.stmikjayakarta.ac.id/index.php/jisicom/article/view/216>.
- Rahmatullah, R. (2020). Ahmad Lutfi Fathullah dan digitalisasi hadith di nusantara. *ISLAMICA: Jurnal Studi Keislaman*, 14(2), 291-316. <https://doi.org/10.15642/islamica.2020.14.2.291-316>.
- Roesnita, I., & Zainab, A. N. (2013). *The pattern of e-book use amongst undergraduates an Malaysia: A case of to know is to use*. Arxiv Preprint Arxiv: 1301.5400. <https://arxiv.org/abs/1301.5400>.
- Rosdi, A. Z., Hassan, S. N. S., & Muhamad, N. A. F. (2019). Pengajian hadis tradisional dan moden: Ҁinjau awal literatur. *al-Qanadir: International Journal of Islamic Studies*, 13(2), 40-53. <https://www.al-qanadir.com/aq/article/view/116>.
- Sabariah, M. K. (2016). Recommendation of information architecture design on higher education institution website using card sorting approach on goal-directed design method. *International Journal on Information and Communication Technology (IJoICT)*, 2(1), 45-56. DOI: <https://doi.org/10.21108/IJOICT.2016.21.79>.
- Shahrul Nizam Zulklipl, Yaacob, Z., Anas, N. B., Noor, M. S. B. M., Abidin, M. Z. H. B. Z., Jamil, W. K. N. B. W., & Yakob, A. B. (2017). Takhrij al-hadith via websites: a study of al-durar al-saniyyah, mawqi' al-islam and islamweb. *PONTE International Scientific Researchs Journal*, 73(4). 83-100. <https://www.pontejournal.online/volume-73-issue-4-2017/>.
- Shukur, Z., Fabil, N., Noah, S. A. M., & Salim, J. (2011). Formalisma Hubungan Logikal Dan Visualisasi Hubungan Perawi Hadith. *Jurnal Teknologi*, 83-99. <https://moam.info/takhrij-al-hadith-via-websites-a-study-of-al-durar-al-59d61ef81723dd24c843c171.html>.
- Stăncioiu, A. (2017). The fourth industrial revolution Industry 4.0. *Fiabilitate Şi Durabilitate*, 1(19), 74-78. https://scholar.google.jp/citations?view_op=view_citation&hl=en&user=G3Gp8pAAAAAJ&citation_f_or_view=G3Gp8pAAAAAJ:lvSMUa3B7yYC.
- Suhaimi, M. S., & Sha'ri, S. N. (2021). Editorial buku agama: Satu Kajian Terhadap Kriteria Penilaian Manuskrip. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 3(1), 34-44. <https://ajocs.com/index.php/ajocs/article/view/57>.



Published biannually by:
**HADITH AND AQIDAH RESEARCH INSTITUTE (INHAD),
Selangor International Islamic University College (KUIS)**
Email: jurnalhadis@kuis.edu.my
Web: www.jurnal.kuis.edu.my/hadis/
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: 03-8911 7000 Ext: 6129/6130, Fax: 03-8926 6279
Vol. 11, No. 22 (December 2021)

- Supriyadi, T., Julia, J., Aeni, A. N., & Sumarna, E. (2020). Action research in hadith literacy: A reflection of hadith learning in the digital age. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 19(5), 99-124. <https://doi.org/10.26803/ijlter.19.5.6>.
- Suryadilaga, M. A. (2016). Profil prodi ilmu hadis di era globalisasi teknologi informasi. *Riwayah*, 2(1), 114-131. [10.21043/riwayah.v2i1.1502](https://doi.org/10.21043/riwayah.v2i1.1502).
- Syed Hasan, S. N. (2015). Laman web al-durar al-saniyyah: Aplikasi Dan Keberkesanan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Kajian Hadis Dalam Kalangan Pensyarah Dan Pelajar Fakulti Pengajian Quran Dan Sunah, USIM. *Ma'ālim Al-Qur'ān Wa Al-Sunnah*, 10(11). <https://doi.org/10.33102/jmq.v10i11.79>.
- Syed Hassan, S. N., Salaeh, A., Zakaria, N., Said, W. M., Halim, A. A., Amin, M. F. M., ... & Hanafiah, M. Z. (2020). Pembangunan wall library untuk makmal hadis: satu kajian aplikasi di fakulti pengajian quran dan sunnah, USIM. *Prosiding 7th International Prophetic Conference (SWAN) 29 Oktober 2020*. Nilai, Negeri Sembilan. 267–277. <https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/6957>.
- Tajang, A. D. (2019). Kualitas digitalisasi hadis: analisis SWOT pada aplikasi OOH. *Tahdis: Jurnal Kajian Ilmu Al-Hadis*, 10(1). 54-75. <https://doi.org/10.24252/tahdis.v10i1.9796>.
- Turner, J. A., & Karasek Jr, R. A. (1984). Software ergonomics: effects of computer application design parameters on operator task performance and health. *Ergonomics*, 27(6), 663-690. <https://doi.org/10.1080/00140138408963539>.
- Ummah, S. S. (2019). Digitalisasi hadis studi hadis di era digital. *Diroyah: Jurnal Studi Ilmu Hadis*, 4(1). 1-10. <https://doi.org/10.15575/diroyah.v4i1.6010>.
- Usman, A. H., Wazir, R., & Ismail, Z. (2017). The notion of liberalisation on the anti-hadith movement and its impact on society. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 2(2), 81-94. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v2i2.20>.
- Wiranata, R. R. S. (2019). Tantangan, prospek dan peran pesantren dalam pendidikan karakter di era revolusi industri 4.0. *Al-Manar*, 8(1), 61-92. <https://doi.org/10.36668/jal.v8i1.99>.
- Zailani, Z. (2016). Pengaruh hadis riwayat bi al-ma'na dalam pelaksanaan hukum islam. *Jurnal An-Nur*, 4(1). 56-76. <http://ejournal.uin-suska.ac.id/index.php/Annur/article/view/2054/1393>.